

13/04/2002

Kerajaan pastikan semua rakyat dapat bantuan

Betty Subaryati

TUMPAT, Jumaat - Keamanan dan kesejahteraan negara ini membolehkan kerajaan memberi tumpuan sepenuhnya untuk membangunkan negara, kata isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

"Di negara ini, rakyat pelbagai kaum hidup tanpa sebarang kebimbangan terhadap keselamatan, selain tidak ada yang menyebabkan kita runsing atau gelisah, tidak kedengaran di kalangan rakyat yang mati kelaparan, dan hidup tanpa makan dan minum.

"Ini kerana segala-galanya terjaga dan diberi perhatian serta tanggungjawab oleh kerajaan, seperti menyediakan sekolah di setiap kampung untuk anak yang ingin belajar, manakala yang ingin beribadah disediakan masjid dan surau," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis lawatan ke Pondok Tok Selehor, Yayasan Darul Hanan di sini, hari ini. Beliau bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai lawatan berasingan dalam kunjungan sehari mereka ke Kelantan.

Hadir sama, Pengerusi Yayasan Darul Hanan yang juga Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Dusuki Ahmad dan Ketua Umno bahagian Tumpat, Norzaiddi Omar.

Dr Siti Hasmah berkata, rakyat yang sakit juga disediakan klinik dan hospital di setiap daerah, manakala mereka yang ingin berniaga diberi kemudahan premis.

Beliau berkata, begitu juga dengan orang tua yang tidak berwaris, anak yatim dan miskin diberi bantuan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Justeru, katanya, rakyat perlu bersyukur dengan nikmat yang diterima kerana tidak kurang golongan kaya di negara ini menghulurkan derma untuk membantu yang miskin.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis lawatan ke Yayasan Pemulihan Orang-Orang Cacat Negeri Kelantan, di Kota Bharu, Dr Siti Hasmah meminta ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya mendaftarkan ke Yayasan Pemulihan Orang-Orang Cacat Kelantan bagi memastikan masa depan terjamin.

Katanya, beliau difahamkan seramai 9,243 orang kurang upaya di Kelantan didaftarkan dengan yayasan itu.

"Daripada jumlah itu, seramai 762 adalah cacat anggota, cacat akal (730), cacat pendengaran (322) dan orang buta (210).

"Saya yakin masih ramai mereka yang kurang upaya belum berdaftar di negeri ini. Walaupun mereka berdaftar atau tidak, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sama-sama membantunya.

"Saya turut dimaklumkan pada masa ini sebanyak 19 pusat dalam komuniti di Kelantan dikendalikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Oleh itu, saya minta ibu bapa yang memiliki anak yang tergolong dalam kategori berkenaan mendaftarkan segera ke pusat ini atau Jabatan Kebajikan bagi memastikan masa depan mereka lebih terjamin seperti kanak-kanak lain," katanya.

Pada majlis itu, Dr Siti Hasmah turut menyampaikan sumbangan kerusi roda kepada lapan kanak-kanak kurang upaya dari Yayasan Pemulihan Orang-Orang Cacat Kelantan.

(END)